



حَبَابُ خَيْرِ الْجَوَائِدِ أَكْثَرُ إِسْلَامِ كِتَابَةِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 RAMADAN 1443 H / 15 APRIL 2022M

### IKTIBAR NUZUL AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 08/04/2022

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAJ  
Unit Bakti Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 12/4/2022

DIBACA PADA : 15/4/2022

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDDIN HALMI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## IKTIBAR NUZUL AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ﴿١٨٥﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Di kesempatan berada di bulan Ramadan iaitu *syahru al-Quran* yang mulia ini, saya berpesan kepada sidang jemaah dan diri saya sendiri, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan memperkukuhkan pengabdian diri kita kepada-Nya dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Ramadan kali ini menjadikan kita insan yang berjaya di dunia dan akhirat. Mimbar Jumaat pada hari ini membicarakan “**IKTIBAR NUZUL AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN**”.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Saban tahun tanggal 17 Ramadan merupakan antara peristiwa penting yang dicatatkan didalam kalendar Islam. Tarikh ini merupakan tarikh yang disepakati oleh sebahagian besar ulama sebagai tarikh sejarah turunnya wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW yang bermunajat kepada Allah SWT di gua Hira' bumi Makkah al-Mukarramah. Penurunan wahyu ini adalah dalil pengiktirafan baginda SAW sebagai seorang Rasul yang akan memimpin ke arah hidayah Islam yang menerangi seluruh pelusuk alam.

Penurunan ayat-ayat al-Quran secara berperingkat bermula pada malam tersebut dikenali sebagai **Nuzul al-Quran**. Manakala proses penurunannya menurut para ulama' terbahagi kepada tiga peringkat.

**Pertama**, penurunan secara keseluruhan al-Quran dari sisi Allah SWT ke **Luh Mahfuz**. Ini diterangkan oleh Allah SWT dalam surah al-Buruuj ayat 21-22:

بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ ﴿٢٢﴾

**Maksudnya:** “Bahkan yang mereka dustakan itu ialah al-Quran yang mulia yang (tersimpan) di Luh Mahfuz.”

Yang **kedua**, penurunan dari Luh Mahfuz ke **Baitul 'Izzah** iaitu langit dunia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ad-Dukhan ayat 3:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam yang penuh keberkatan sesungguhnya kami sentiasa memberi peringatan dan amaran.”

Dan yang **ketiga**, penurunan al-Quran secara berperingkat dari Baitul 'Izzah kepada Rasulullah SAW dalam tempoh 23 tahun. Ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 32:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ  
وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

**Maksudnya:** “Dan berkatalah orang-orang yang kafir mengapa al-Quran itu tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) secara serentak; yang demikian itu (beransur-ansur) supaya kami perkuatkan hatimu dengannya dan Kami membacakannya (al-Quran) secara tartil .”

#### **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Bersempena peristiwa Nuzul al-Quran pada kali ini, mimbar yang mulia menyeru sidang jumaat dan umat Islam sekalian, marilah sama-sama kita mengambil iktibar dan menghayati peristiwa penurunan mukjizat agung dengan melaksanakan amalan berikut:

**Pertama:** Meletakkan al-Quran sebagai acuan kehidupan, dengan menjadikannya sebagai kitab rujukan sepanjang hayat, demi kesejahteraan dunia dan akhirat. Mereka yang menjadikan al-Quran sebagai bacaan utama setiap masa, akan dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah SWT. Setiap huruf yang dibaca akan dikira sebagai sepuluh pahala sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

**Maksudnya:** *“Barangsiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan itu digandakan menjadi sepuluh kebaikan yang semisal dengannya. Aku tidak mengatakan ( alif, laam, miim ) itu satu huruf, akan tetapi alif satu huruf, laam satu huruf dan miim satu huruf.”* [Riwayat at-Tirmizi (2835)]

**Kedua:** Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa memahami dan menghayati kandungan dan petunjuk al-Quran itu. Makna tadabbur yang dijelaskan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam Tafsir al-Munir ialah memerhatikan makna-makna ayat al-Quran dan meneliti kandungannya. Apabila melakukannya kita dapat menghayati sepenuhnya kandungan al-Quran, bahkan menambah tautan cinta dan rindu berinteraksi dengannya.

**Ketiga:** Kita hendaklah menolak segala unsur yang cuba untuk menggugat kesucian agama Islam di negara ini. Dalam hal ini, umat Islam hendaklah bersatu tanpa mengira apa-apa latar belakang fahaman, ideologi dan politik. Amatlah rugi jika kita berpecah dek perbezaan fahaman.

**Keempat:** Sesungguhnya Allah SWT memberikan kemuliaan dan mengangkat martabat umat ini, apabila mereka mengamalkan ajaran al-Quran secara menyeluruh dan menjadikannya acuan kehidupan. Oleh itu, mimbar menyeru semua pihak dalam keberkatan Ramadan yang mulia ini, marilah kita sama-sama mengambil manfaat untuk meningkatkan ketakwaan dan mengubah segala kelakuan buruk dengan mengamalkan segala isi kandung al-Quran supaya kehidupan kita beroleh keredaan Allah SWT.

Mimbar juga mengajak sidang jemaah sekalian untuk sama-sama merenung kembali sejauh manakah al-Quran ini dapat dihayati dan diamalkan semaksimum yang mungkin. Ingatlah, asas kekuatan umat Islam adalah bergantung sumber yang utama iaitu al-Quran yang mampu mendatangkan kebaikan kepada negara dan

rakyatnya. Mudah-mudahan kita merebut peluang dan ruang dalam bulan penuh barakah ini meningkatkan mutu dan nilai ibadah seharian kita dengan al-Quran.

### **JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Akhirnya, marilah kita merenung firman Allah SWT dalam surah al-Qamar ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

**Maksudnya:** “Dan sesungguhnya! Kami telah mudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ  
، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا  
كباوه دولي يغ مها موليا سري فدوك بكيندا يغ دفرتوان أكخوغ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تِوَانِ يَغ تِوَانِ يَغ دَفَرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ  
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai *Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur* (بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ عَفُورٌ)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, berpuasa di bulan Ramadan, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.